



## **PANDUAN CALON MENDUDUKI PEPERIKSAAN PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

### **1. PERMOHONAN PEPERIKSAAN:**

- i. Borang permohonan menduduki peperiksaan dan Jadual Peperiksaan boleh dimut turun melalui laman sesawang ([www.kehakiman.gov.my](http://www.kehakiman.gov.my));
- ii. Nama dan alamat pejabat hendaklah diisi dengan lengkap;
- iii. Calon hendaklah memohon sebelum tarikh tutup permohonan;
- iv. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan **DITOLAK**;
- v. Calon yang tidak mendaftar **TIDAK** dibenarkan menduduki peperiksaan.

### **2. PUSAT PEPERIKSAAN:**

- i. Ditetapkan oleh Urus setia Peperiksaan, Unit Latihan dan Pembangunan Kapasiti Kehakiman, Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia;
- ii. Pertukaran Pusat Peperiksaan adalah **TIDAK DIBENARKAN** kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Urus setia Peperiksaan , Unit Latihan dan Pembangunan Kapasiti Kehakiman, Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia;
- iii. Pertukaran Pusat Peperiksaan hanya dibenarkan atas sebab-sebab munasabah.

### **3. TANGGUNGJAWAB CALON:**

Calon hendaklah mematuhi peraturan seperti yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 13 Tahun 1982 – Peraturan Tatatertib dalam Peperiksaan Perkhidmatan antaranya :

- i. Calon perlu membawa **SLIP MENDUDUKI PEPERIKSAAN, KAD PENGENALAN (ASAL)** dan **ALAT TULIS**;
- ii. Calon wajib berpakaian pejabat dan kemas;
- iii. Bahan rujukan yang terkandung di dalam sukatan peperiksaan sahaja yang dibenarkan untuk dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan. Bahan rujukan yang di fotostat adalah dibenarkan tetapi perlu mendapat pengesahan dari Ketua Jabatan masing-masing terlebih dahulu;
- iv. Bahan rujukan selain daripada yang terkandung di dalam sukatan peperiksaan seperti buku, nota tangan, bahan yang dicetak daripada internet, nota slaid dan lain-lain **TIDAK DIBENARKAN** dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan
- v. Telefon bimbit atau sebarang alat komunikasi **TIDAK DIBENARKAN** diletakkan atas meja atau bawah meja peperiksaan; dan
- vi. Sekiranya calon tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan, Ketua pengawas boleh menghalang calon daripada menduduki peperiksaan.

#### 4. KEPUTUSAN PEPERIKSAAN:

- i. Keputusan Peperiksaan akan dikeluarkan oleh Urus setia Peperiksaan , Unit Latihan dan Pembangunan Kapasiti Kehakiman, Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia setelah mendapat kelulusan Panel Peperiksaan Jabatan, Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia dan akan dihantar ke Pusat Tanggungjawab (PTJ) calon masing-masing;
- ii. Keputusan Peperiksaan dianggap **TERBATAL** sekiranya calon didapati tidak layak menduduki peperiksaan yang berkaitan.

**Urus setia Peperiksaan  
Seksyen Peperiksaan  
Bahagian Pengurusan  
Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia**